

28) RUMAH SELANGORKU MORIB DAN DUSUN DURIAN TONGKAH

Adun : Y.B. Tuan Rosnizan Bin Ahmad (Morib)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Apakah status dan perkembangan terkini berkenaan Rumah Selangorku di Morib dan projek rumah terbengkalai Dusun Durian Tongkah Morib selepas perjumpaan pada bulan Januari 2025 bersama YB EXCO Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor yang lepas?**

Untuk makluman Yang Berhormat, susulan daripada perjumpaan bersama YB EXCO Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor pada Januari 2025, pihak pemaju telah mengemukakan surat makluman berkenaan lantikan kontraktor baru untuk menyiapkan kerja-kerja paip utama sementara serta retikulasi air kepada Jabatan Perumahan Negara (JPN).

Susulan dari itu, hasil pemerhatian kerja di lapangan oleh pihak Kerajaan Negeri, projek masih tidak dapat disiapkan dan diserahkan seperti yang dijanjikan pemaju. YB EXCO Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor telah mengesyorkan kepada pemaju untuk membuat lantikan pihak ketiga secara usahasama bagi membantu meneruskan dan menyiapkan projek.

Seterusnya, YB EXCO Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor telah mengadakan perbincangan lanjut pada 24 Mac 2025 bersama-sama dengan pihak tuan tanah Seriemas Development Sdn. Bhd. dan pihak Masteron Sdn. Bhd. selaku pihak ketiga. Pihak tuan tanah dikehendaki untuk mengkaji perjanjian usahasama dengan pihak pemaju supaya tindakan susulan bagi pembatalan usahasama meliputi tanah yang masih belum dimajukan lagi dapat diambil. Pihak ketiga iaitu Masteron Sdn. Bhd. juga telah membentangkan cadangan kaedah penyelesaian antara pemaju penyelamat dan pembeli.

Susulan daripada perbincangan tersebut, pihak tuan tanah telah dicadangkan kaedah penyelesaian pihak ketiga yang meneruskan projek sakit di Morib sehingga selesai akan diberikan tanah untuk dibangunkan secara usahasama sebagai timbal balas.

Pihak Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mengeluarkan surat kepada Masteron Sdn. Bhd. pada 9 Jun 2025 berhubung pelawaan kajian kebolehlaksanaan projek dan cadangan pemulihan projek meliputi keseluruhan fasa pembangunan di Morib.